

SOALAN TUTORIAL

Dalam menjayakan pengajaran mikro, anda perlu menguasai kemahiran penyampaian. Huraikan kemahiran-kemahiran itu dan faktor-faktor yang mempengaruhinya dengan jelas.

Pengajaran mikro bermaksud latihan pengajaran amali yang dipermudahkan dari aspek skop dan organisasinya. Lebih jelas lagi pengajaran mikro tidak melibatkan jumlah murid yang besar iaitu antara lima hingga lapan orang, waktu mengajar diringkaskan dalam masa 5 hingga 10 minit, tidak memerlukan murid sebenar, guru hanya perlu menguasai satu kemahiran sahaja dan dilaksanakan di makmal atau bilik mikro.

Dalam menjayakan pengajaran mikro ini, sebagai seorang guru perlu menguasai kemahiran penyampaian. Terdapat empat komponen dalam kemahiran penyampaian iaitu :

1. Menstruktur

Guru perlu menstruktur idea dan konsep mengikut aras dari senang ke susah dan konkrit ke abstrak. Kemahiran ini penting bagi mengelakkan murid tidak memahami sesuatu topik dari awal lagi. Dalam Huraian Sukatan Pelajaran Kajian Tempatan Sekolah Rendah, terdapat tiga aras bagi membantu guru menstruktur Pengajaran dan Pembelajaran dalam kelas.

Contoh : Dalam topik Kajian Tempatan Tahun 4, tajuk "Jenis Rumah Di Malaysia", guru meminta murid-murid menamakan jenis rumah yang mereka ketahui. Kemudian mengelaskan jenis rumah tradisional dan jenis rumah moden (Aras 1). Seterusnya membanding dan membezakan rumah tradisional dan rumah moden (Aras 2). Akhir sekali, membuat generalisasi tentang kesesuaian sesuatu jenis rumah dengan kawasan tertentu (Aras 3).

2. Menjelaskan

Guru menerangkan sesuatu konsep/ fakta secara mengimbas kembali atau merumus dengan menggunakan kata-kata atau ilustrasi.

Contoh: Dalam topic Kejiranan (Makanan dan Pakaian), guru menggunakan contoh gambar pakaian tradisional yang dipakai oleh kaum-kaum tertentu di Malaysia dan menerangkan kegunaannya seperti:

PAKAIAN TRADISIONAL	KEGUNAAN
1. MELAYU a) Baju Melayu b) Baju Kebaya dan Baju Kurung	<ul style="list-style-type: none">▪ Dipakai oleh lelaki Melayu untuk ke majlis kenduri-kendara, sambutan hari perayaan, bersembahyang dan majlis keagamaan.▪ Dipakai oleh wanita Melayu untuk ke majlis kenduri-kendara, sambutan hari perayaan, berziarah dan ke tempat kerja.
2. CINA a) Samfu b) Chi Pao	<ul style="list-style-type: none">▪ Pakaian wanita Cina yang terdiri daripada blaus berpinggang dan berseluar.▪ Pakaian wanita cina berbelah tepi dan berleher kepuk.
3. INDIA a) Sari b) Dhoti	<ul style="list-style-type: none">▪ Dipakai oleh wanita India sebagai pakaian harian, pakaian kerja, menghadiri majlis keraian dan keagamaan.▪ Pakaian harian lelaki tua.

3. Membuat Perkaitan, Petunjuk dan Keutamaan

Guru membuat perkaitan antara satu set ciri, pola atau fungsi yang telah diketahui atau dipelajari dengan satu set pengetahuan yang baru hendak dipelajari dalam kelas.

Contoh : Dalam tajuk “Kewarganegaraan”, murid-murid telah tahu bahawa mereka adalah warganegara Malaysia. Mereka didedahkan dengan pengetahuan sedia ada dengan tajuk baru iaitu cara perolehan kewarganegaraan. Jadi, dapat dilihat perkaitan antara pengetahuan sedia ada dan tajuk baru yang mereka akan pelajari.

4. Mengelakkan Kekaburan

Kemahiran ini perlu bagi mengelakkan murid tidak faham apa yang guru terangkan. Penerangan guru akan menjadi kabur jika menggunakan perkataan yang kurang tepat atau kompleks maknanya. Bagi mengelakkan ketidakfahaman murid terhadap tajuk yang diajar, guru digalakkan memberi banyak contoh dan menggunakan perkataan yang mudah difahami.

Contoh: Jiran ialah orang yang tinggal di sekeliling rumah kita. Jiran merupakan orang yang paling penting selain saudara mara kita. Jika kita memerlukan pertolongan, jiran merupakan orang yang pertama kita cari. Jiran kita mungkin terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Di Malaysia terdapat tiga kaum besar iaitu kaum Melayu, kaum Cina dan kaum India. Kaum-kaum inilah merupakan jiran terdekat kita di sesebuah kawasan perumahan tertentu.

5. Maklum Balas

Kemahiran ini penting bagi membantu kita mengetahui adakah pengajaran kita berhasil atau tidak. Guru dapat menyemak kembali kelancaran penyampaian, penggunaan laras bahasa dan pemberian contoh-contoh berkesan atau tidak. Sekiranya tidak berkesan guru-guru boleh memperbaiki cara penyampaian ke arah lebih baik.

Contoh : Meminta murid-murid menceritakan bentuk rumah sendiri sebelum menerangkan jenis-jenis rumah di Malaysia.

Faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran penyampaian :

1. Kemahiran Menerang

- Tujuan pengajaran untuk memberi kefahaman, huraian atau penaakulan.
- Penjelasan perlu diberi dengan kemas dan lancar.

- Dalam penyampaian perlu menggunakan sebutan dan intonasi yang betul agar apa yang disampaikan difahami maksudnya.
- Penerangan perlu berurutan dan lebih baik disusuli dengan ilustrasi seperti grafik bagi membuatkan penyampaian lebih menarik.

2. Bahasa dan Suara

- Menggunakan bahasa yang mudah difahami.
- Elakkan penggunaan loghat.
- Penuturan perlulah bersopan dan tidak menggunakan perkataan negative dan sensitif dari segi motivasi, budaya dan kepercayaan.
- Pandai menggunakan nada suara mengikut keperluan semasa.

3. Peneguhan

- Menggunakan kata-kata peneguhan yang berupa pujian dan penghargaan.
- Kebaikannya, dapat mengubah tingkah-laku murid ke arah lebih positif, murid akan lebih berminat dalam kelas, suka mengambil bahagian dalam aktiviti dan lain-lain.
- Contohnya : memberikan kata-kata “baik”, “bagus” dan “cuba lagi” atau menggunakan isyarat yang difahami untuk tujuan peneguhan seperti mengangguk, menggeleng kepala dan senyum.

4. Personaliti Guru

- Guru sebagai penyampai ilmu.
- Menunjukkan kewibawaan dari segi ilmu pengetahuan, kreativiti dan watak.
- Bijak mengguna dan menggabungkan ilmu-ilmu yang ada dalam pengajaran.

5. Sumber

- Sumber yang sesuai dan menarik akan membantu dalam proses penyampaian supaya dapat menerangkan konsep dan prinsip dengan lebih baik.
- Sumber yang digunakan harus boleh berfungsi, tidak kompleks penggunaannya dan sepadan dari segi bentuk dan saiz dengan bilangan murid dalam kelas.